



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 60

13hb Oktober 2016

No .21

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF PENANG) ENACTMENT 2004

No. 713.

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

FATWA ISU UMAT ISLAM MALAYSIA YANG BERJUANG DI SYRIA ATAS NAMA ISLAMIC STATE OF IRAQ AND SYRIA (ISIS)

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 6/2014 telah membincangkan tentang Isu Umat Islam Malaysia Yang Berjuang Di Syria Atas Nama ISIS menurut pandangan syarak dan memutuskan seperti yang berikut:

- (1) Setelah meneliti laporan penyelidikan yang telah diperakukan oleh Panel Pakar Akidah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan kertas kerja yang disediakan oleh Sahibus Samahah Dr. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan serta meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, mesyuarat mendapati bahawa:
- (a) ISIS atau Islamic State of Iraq and Levant (ISIL) merupakan rentetan dari gerakan *Salafi Jihadi* di Iraq yang pada asalnya terdiri dari tiga organisasi jihad yang berbeza: iaitu Ansar al-Islam yang terdiri dari kelompok Salafi Jihadi warga Iraq yang membentuk kawasan ‘pemerintahan Islam’ mereka yang tersendiri dan mengamalkan kehidupan Islami ortodoks dan radikal, keduanya, kumpulan Mujahidin berasal dari Jordan di bumi Iraq yang mengisyiharkan diri mereka sebagai ‘*Jamaah al-Tawhid wa al-Jihad*’ di bawah pimpinan Abu Mus’ab al-Zarqawi yang berhijrah ke Iraq untuk melancarkan jihad memerangi pendudukan tentera Amerika Syarikat ke atas bumi Iraq dan juga kumpulan mujahidin al-Qaeda yang berhijrah dari Afghanistan, akibat serangan Amerika Syarikat ke atas bumi Afghanistan selepas peristiwa 11 September; dan
- (b) Kebanyakan para ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah di seluruh dunia mengingatkan umat Islam agar tidak terpengaruh dengan kumpulan ISIS atau ISIL ini kerana ideologi keganasan dan sikap mereka yang mengkafirkan orang yang tidak sehaluan dengan mereka dan menghalalkan darah mereka. Mereka membunuh rakyat tidak berdosa dan menghalau golongan Kristian dan Yazidi dengan penuh kezaliman. Para Ulama Ahli Sunnah di seluruh dunia melabelkan ISIS atau ISIL ini sebagai Khawarij di zaman moden dan Jumhur Ulama Ahli Sunnah bersepakat mengenai kesesatan dan juga penyelewengan golongan ini dan memperingatkan umat Islam agar tidak terpedaya dengan segala propaganda ISIS atau ISIL ini.
- (2) Sehubungan itu, berdasarkan fakta-fakta yang telah dikemukakan dan selaras dengan nas-nas syarak, mesyuarat berpandangan bahawa kecenderungan dan keghairahan umat Islam untuk berjihad atas nama ISIS atau ISIL di bumi Syria adalah berpunca daripada kekeliruan dalam memahami konsep jihad dan mati syahid yang sebenar menurut Hukum Syarak. Seruan jihad dan mati syahid yang dipegang oleh mereka adalah bercanggah

dengan Islam dan boleh membawa kepada kekufuran kerana mereka menghalalkan darah sesama umat Islam.

- (3) Oleh itu, mesyuarat menegaskan bahawa tindakan umat Islam dari Malaysia yang telah ataupun yang ingin berjuang atas nama jihad di bumi Syria bagi menyokong golongan ISIS atau ISIL adalah sia-sia kerana perjuangan mereka tidak tergolong sebagai jihad dan kematian mereka juga tidak dikategorikan sebagai syahid menurut kerangka Hukum Syarak.
- (4) Mesyuarat menasihatkan seluruh umat Islam di Malaysia supaya menginsafi diri dan tidak mudah terpengaruh atau terjebak dengan keganasan dan propaganda perjuangan kumpulan ISIS atau ISIL ini.

Dibuat 6 Mei 2016

[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt. 3; PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 3]

Dengan Titah Perintah

DATO' DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR
Pengerusi Jawatankuasa Fatwa
Pulau Pinang

FATWA UNDER SECTION 48

In exercise of the powers conferred by section 48 of the Administration of the religion of Islam (State of Penang) Enactment 2004 [*Enactment 2*], on the assent of the Yang di-Pertuan Agong, the *Fatwa* committee for the State of Penang, makes the *fatwa* as set out in the Schedule.

SCHEDULE

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 6/2014 telah membincangkan tentang Isu Umat Islam Malaysia Yang Berjuang Di Syria Atas Nama ISIS menurut pandangan syarak dan memutuskan seperti yang berikut:

- (1) *Setelah meneliti laporan penyelidikan yang telah diperakuan oleh Panel Pakar Akidah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan kertas kerja yang disediakan oleh Sahibus Samahah Dr. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan serta*

meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, mesyuarat mendapati bahawa:

- (a) *ISIS atau Islamic State of Iraq and Levant (ISIL) merupakan rentetan dari gerakan Salafi Jihadi di Iraq yang pada asalnya terdiri dari tiga organisasi jihad yang berbeza: iaitu Ansar al-Islam yang terdiri dari kelompok Salafi Jihadi warga Iraq yang membentuk kawasan ‘pemerintahan Islam’ mereka yang tersendiri dan mengamalkan kehidupan Islami ortodoks dan radikal, keduanya, kumpulan Mujahidin berasal dari Jordan di bumi Iraq yang mengisytiharkan diri mereka sebagai ‘Jamaah al-Tawhid wa al-Jihad’ di bawah pimpinan Abu Mus’ab al-Zarqawi yang berhijrah ke Iraq untuk melancarkan jihad memerangi pendudukan tentera Amerika Syarikat ke atas bumi Iraq dan juga kumpulan mujahidin al-Qaeda yang berhijrah dari Afghanistan, akibat serangan Amerika Syarikat ke atas bumi Afghanistan selepas peristiwa 11 September; dan*
- (b) *Kebanyakan para ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah di seluruh dunia mengingatkan umat Islam agar tidak terpengaruh dengan kumpulan ISIS atau ISIL ini kerana ideologi keganasan dan sikap mereka yang mengkafirkan orang yang tidak sehaluan dengan mereka dan menghalalkan darah mereka. Mereka membunuh rakyat tidak berdosa dan menghalau golongan Kristian dan Yazidi dengan penuh kezaliman. Para Ulama Ahli Sunnah di seluruh dunia melabelkan ISIS atau ISIL ini sebagai Khawarij di zaman moden dan Jumhur Ulama Ahli Sunnah bersepakat mengenai kesesatan dan juga penyelewengan golongan ini dan memperingatkan umat Islam agar tidak terpedaya dengan segala propaganda ISIS atau ISIL ini.*
- (2) *Sehubungan itu, berdasarkan fakta-fakta yang telah dikemukakan dan selaras dengan nas-nas syarak, mesyuarat berpandangan bahawa kecenderungan dan keghairahan umat Islam untuk berjihad atas nama ISIS atau ISIL di bumi Syria adalah berpunca daripada kekeliruan dalam memahami konsep jihad dan mati syahid yang sebenar menurut Hukum Syarak. Seruan jihad dan mati syahid yang dipegang oleh mereka adalah bercanggah dengan Islam dan boleh membawa kepada kekufuran kerana mereka menghalalkan darah sesama umat Islam.*

(3) Oleh itu, mesyuarat menegaskan bahawa tindakan umat Islam dari Malaysia yang telah ataupun yang ingin berjuang atas nama jihad di bumi Syria bagi menyokong golongan ISIS atau ISIL adalah sia-sia kerana perjuangan mereka tidak tergolong sebagai jihad dan kematian mereka juga tidak dikategorikan sebagai syahid menurut kerangka Hukum Syarak.

(4) Mesyuarat menasihatkan seluruh umat Islam di Malaysia supaya menginsafi diri dan tidak mudah terpengaruh atau terjebak dengan keganasan dan propaganda perjuangan kumpulan ISIS atau ISIL ini.

Made 6 May 2016
[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt. 3; PUNPP352 /100/1/2/EA/1 Jld. 3]

By Command

DATO' DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR
Chairman of the Fatwa Committee
State of Penang

اینکمن فنتدیپرنس اکام اسلام

(نگاری فولاؤ فینچ) 2004

فتوی دباؤہ سپکشن 48

ڦ منجالنکن کواس يغ دبریکن اولیه سیکشن 48 اينکمن ڦينتديرن اکام اسلام (نکري ڦولاو ڦينغ) 2004 /اينکمن 2/، اتس ڦرکن يغ دفترتوان اکوڻ، جاوونکواس فتوی نکري ڦولاو ڦينغ، ممبوات فتوی يغ دپاتاکن دالم جدوال.

جدوال

فتوى ايسو اومنت اسلام مليسيا يع برجواڭ د سريا اتس نام

ISLAMIC STATE OF IRAQ AND SYRIA (ISIS)

مشوارت جاونکواس فتوی نگری ڦولاو ڦینچ بیلاڻن 2014/6 تله ممبینچکن تنٿئ ايسو او مت اسلام مليسيا ڀهڻ بر جواڻ د سريا اتس نام ايسيس منوروت ڦنداغن شرع دان مموتوسکن سفرتي ڀه بر ايڪوٽ :

(1) ستله منليتي لاچورن ۋېلىدېقىن يېڭ تله دېراكوکن اولىيە قانىل ۋاکىر عقيدة جابتىن كماجوان اسلام ملىسيا (JAKIM) دان كرتىس كرجا يېڭ دىدىياكىن اولىيە صاحب السماحة دوكتور ذوالكفل بن محمد البكري، مفتى ولايە ۋەرسىكتۇوان سرتا منليتي فكتا-فكتا، حجه-حجه دان ۋەنداغۇن يېڭ دىكموکاكىن، مشوارت مۇداقتى بىھاوا:

ISIS اتلو (a) Islamic State of Iraq and Levant (ISIL) مروفاکن رینتیتن دري گرفن سلفی جهادی دعاق يع ڦد اصلن ترديری دري تیاک اور گانیساي جهاد يع بربیدا : یاءیت انصار الإسلام يع ترديری دري کلومفوق سلفی جهادی ورک عراق يع ممبنتوک کاوسن ڦمرینتهن إسلام مریاک يع ترسندیری دان مغعملکن کھیدوون ٳسلامی اور تودوکس دان رادیکل، کدوان، کومقولن مجاهدين برأسنل دري جوردن دبومي عراق يع مغیشتیهارکن دیری مریاک سباکای جماعه التوحید والجهاد دباوه ٿیمئین ابو مصعب الزرقاوي يع بر هجرة کعراق او نتوک ملنچرکن جهاد مرغی ڦندوون ٿنtra اميريكا شريکت کاتس بومي عراق دان جوک کومقولن مجاهدين القاعدة يع بر هجرة دري افغانستان، عقيبة سراغن اميريكا شريکت کاتس بومي افغانستان سلغس ڦريستيو 11 سڀتيمبر؛ دان

b) كيپقىن قارا علماء اهل السنة والجماعة دسلوروه دنيا معييغىتكىن او مت إسلام اكىر تىدق ترەڭغارو و دەن كومۇلون ISIS اتاتو ايدىپولوڭى كەنانسىن دان سىكىف مرىيەك يې مەڭاپىرلىك اورەڭ يې تىدق سەھالوان دەن مەڭلالكىن دارە مرىيەك. مرىيەك مەمبۇنۇھ رەعىت تىدق بىردىسا دان مەھالا و گۈلۈغۈن كريستيان دان يازىدى دەن قۇتوھ كۆطالىمەن. قارا علماء اهل السنة دسلوروه دنيا ملاپلىك ISIS اتاتو اين سباڭاي خوارج دزمان مودن دان جومەھور علماء اهل السنة بىرسەقاكت مەغاناي كىسىتلىن دان جوڭ ۋېلىپەن گۈلۈغۈن اين دان مەقرارىغىتكىن او مت إسلام اكىر تىدق ترەڭدەي دەن سگالا ۋەڭاندا ISIS اتاتو اين.

(2) سەھىبۈغۈن ايت، بىرداسرىكىن فكتا-فكتا يې تله دكموكاكلەن دان سلارس دەن نص-نص شىرع، مشوارت بىرەندىغان بەهاوا كىچىرۇغۇن دان كىڭىرەن او مت إسلام او نتوق بىرجهاد اتس نام ISIS اتاتو دبومى سريما ادالە بىرەنچى دەن دالىم مەھىمى كونسېقىچە جەھاد دان ماتى شەھىد يې سېنر منوروت حکوم شىرع سروان جەھاد دان ماتى شەھىد يې دەقكىچ او لىيە مرىيەك ادالە بىرچىغە دەن إسلام دان بولىيە مەمبَاوا كەن كەفورىن كران مرىيەك مەڭلالكىن دارە سسام او مت إسلام.

(3) او لىيە ايت، مشوارت منكسىن بەهاوا تىيندقن او مت إسلام درى مەلیسييا يې تله اتاۋۇن يې ايغىن بىرەنچى دبومى سريما باڭى مېپوكۇغ گۈلۈغۈن ISIS اتاتو ادالە سيا-سيا كران ۋەڭوغاڭن مرىيەك تىدق ترەنگۈلۈغ سباڭاي جەھاد دان كەمانىن مرىيەك جوڭ تىدق دەكتۆرىيەن سباڭاي شەھىد منوروت كەن حکوم شىرع.

(4) مشوارت مناصىحىتكىن سلوروه او مت إسلام دەلمىسييا سوقاي مەغىنەصافى دىرىي دان تىدق مودە ترەڭغارو و اتاتو ترجىق دەن كەنانسان دان ۋەڭاندا ۋەڭوغاڭن كومۇلون ISIS اتاتو اين.

دبوات 6 مى 2016
[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt. 3; PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 3]

دەن تىتە ۋەنەن

داتوء دوكتور وان سليم بن وان محمد نور
ئۇغۇرسىي جاوتىنكراس فەتوى
نگرىي قۇلۇرۇقىنۇغۇن